



## MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH KEPADA PRESIDEN TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH DAN TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA



Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan melalui Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) telah menganjurkan Majlis Penyampaian Watikah kepada Presiden Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan Tribunal Pengurusan Strata (TPS) pada 9 Julai 2018 yang lalu. Majlis telah disempurnakan oleh YB Menteri Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pelantikan Presiden Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dibuat di bawah seksyen 16C Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Manakala,

pelantikan Presiden Tribunal Pengurusan Strata dibuat di bawah seksyen 103 Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*].

Majlis Penyampaian Watakah tersebut bertujuan melantik Presiden baharu bagi Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Tribunal Pengurusan Strata. Seramai enam (6) orang Presiden Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan sepuluh (10) orang Presiden Tribunal Pengurusan Strata telah dilantik semasa Majlis. Dengan pelantikan ini menjadikan jumlah 15 orang Presiden untuk Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan 29 orang Presiden untuk Tribunal Pengurusan Strata. Jumlah Presiden telah dinaikkan berbanding lantikan yang terdahulu iaitu 10 orang Presiden untuk Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan 23 orang Presiden untuk Tribunal Pengurusan Strata.

Penambahan jumlah Presiden adalah salah satu kaedah TPPS untuk menangani penambahan jumlah kes tuntutan yang mendadak di TPPS. Pada tahun 2017 sahaja, sebanyak 2,082 kes telah difailkan di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan 4,390 kes telah difailkan di Tribunal Pengurusan Strata (TPS). TTPR tidak mempunyai sebarang kes tunggakan bagi kes yang didaftarkan pada tahun 2017 dan sebelumnya manakala TPS mempunyai 589 kes yang tertunggak bagi kes yang didaftarkan bagi tahun 2015 sehingga 2017.

Pendaftaran kes TTPR melibatkan projek perumahan yang paling banyak di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang. Manakala, pendaftaran kes TPS melibatkan bangunan berstrata yang paling banyak di negeri Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan.

Kebanyakan daripada kes-kes TTPR yang difailkan adalah melibatkan tuntutan ganti rugi bagi kelewatan penyerahan milikan kosong rumah atau harta bersama. Manakala kebanyakan daripada kes-kes TPS yang difailkan melibatkan tuntutan bagi Caj penyenggaraan dan isu mengenai kebocoran antara tingkat (*inter-floor leakage*).

TPPS merupakan suatu badan Kerajaan *quasi-judicial* yang menerima, mendengar dan memutuskan tuntutan antara pihak pembeli rumah dan pihak pemaju atau tuntutan yang berkaitan dengan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata. Presiden-Presiden TPPS bertindak secara bebas dan mandiri (*independent*) untuk memutuskan

keputusan bagi setiap tuntutan yang didengar. Fakta setiap kes akan diteliti bagi memastikan keadilan bagi kedua-dua pihak dalam prosiding tersebut.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat